

Elemen

1. Tujuan manusia hidup adalah untuk menjalani hidup dengan bahagia.
- Naturalisme menyatakan bahawa tujuan manusia adalah untuk menjalani hidup yang baik dengan menyesuaikan diri kepada situasi-situasi yang baru. Naturalisme tidak mempercayai bahawa manusia mempunyai tujuan yang penting dalam kehidupan.

2. Dunia fizikal adalah benar dan tiada dunia lain selepas itu

- Naturalisme menyatakan bahawa terdapat dunia fizikal sahaja kerana manusia boleh melihat dunia ini menggunakan pancaindera. Dunia selain dunia fizikal adalah palsu kerana kita tidak dapat melihat menggunakan pancaindera.

3. Manusia merupakan ciptaan terbaik.

- Naturalis percaya bahawa manusia adalah terbaik kerana manusia mempunyai kuasa khas daripada haiwan. Hal ini dibuktikan apabila manusia dapat berfikir manakala haiwan tidak dapat berfikir dengan waras.

4. Perkembangan manusia dipengaruhi oleh alam sekitar dan sekeliling

- Hal ini kerana manusia berkembang seiring dengan alam sekitar. Alam sekitar lah yang membuat manusia marah, sedih dan gembira. Roh itu tidak wujud dan roh juga tidak mempengaruhi jasad sesuatu manusia.

5. Naturalisme sangat membantu di dalam pembelajaran manusia

- Naturalis mempercayai bahawa manusia hanya dapat belajar dengan sempurna apabila mereka belajar dengan sendiri dengan guru sebagai fasilitator. Dengan cara ini mereka berupaya untuk belajar dengan natural. Guru juga hendaklah menjadi rakan kepada anak muridnya supaya mereka dapat belajar dengan efektif.

Pendapat Kami

Iman

Saya setuju kerana bagi saya manusia dipengaruhi oleh manusia di sekeliling. Jika baik sekeliling maka baik lah tingkah laku manusia itu. Jika kita lihat di sekeliling kita, kita sering mengikuti kawan-kawan kita. Oleh itu, amatlah penting untuk mencari rakan sebaya yang baik.

Shahril

Saya bersetuju kerana manusia dapat belajar dengan lebih baik jika mereka mencari jalan penyelesaian dengan sendiri supaya mereka lebih arif akan masalah yang ditempuhi mereka.

Chong

Saya setuju kerana saya yakin tidak ada perkara ghaib di dunia ini. Kita harus menjelaskan semuanya berdasarkan fakta dan teori saintifik.

Aiman

Saya setuju kerana jika kita mempercayai bahawa terdapat kuasa ghaib yang menolong kita, kita tidak akan meletakkan usaha yang tinggi dalam hidup kita kerana kita mempercayai yang perbuatan kita tidak relevan kerana segalanya terpulang kepada kuasa ghaib. Oleh itu, naturalisme sangat bagus kerana kita dapat mengubah hidup kita dengan perbuatan kita.

Heong

Saya setuju kerana saya percaya semua yang berlaku di alam dapat dijelaskan oleh pengetahuan saintifik, termasuk setiap kejadian atau makhluk hidup dapat dijelaskan bahan bencana alam.

Ahli kumpulan

1. Iman Ehsan Bin Hassan A20EC0048
2. Chong Kah Wei A20EC0027
3. Muhammad Aiman Bin Abdul Razak A20EC0082
4. Heong Yi Qing A20EC0043
5. Shahril bin Saiful Bahri A20EC0144